

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua

Sidang Akademik 1999/2000

Februari 2000

HGT 111 – Teknik-Teknik Dalam Geografi

[Masa: 3 jam]

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI EMPAT [4] SOALAN DI DALAM EMPAT [4] HALAMAN.

Jawab **SEMUA** soalan. Setiap soalan mengandungi 25 markah.

- 1 Soalan ini adalah berdasarkan kepada Peta Topografi Malaysia Siri L 7030, Alor Setar (Lembar 3268). Semua jawapan hendaklah berdasarkan bukti-bukti daripada peta sahaja.
- [a] Kirakan keluasan semua kawasan padi yang terletak di bahagian selatan Sg Sala (PG650612). Berikan jawapan dalam kilometer persegi.
[5 markah]
- [b] Apakah jarak (dalam kilometer) di antara mahkamah (PG640773) dan jeti (PG562763) melalui Sg Kedah?
[5 markah]
- [c] Jika purata kelajuan air Sg Kedah mengalir 0.5 meter/saat, kirakan masa yang diperlukan untuk air mengalir dari mahkamah (PG640773) ke jeti (PG562763).
[5 markah]
- [d] Apakah bearing grid, bearing magnet dan bearing benar jeti (PG562763) dari Kg Tepi Laut (PG564745)?
[5 markah]
- [e] Secara ringkas, huraikan bagaimana topografi telah mempengaruhi pola-pola guna tanah di dalam peta topo tersebut.
[5 markah]

.../2

2. Dengan merujuk kepada Rajah 1:

[a] Berdasarkan peralatan kerja ukur kompas, tunjukkan stesen-stesen ukur dan garis-garis ukur yang anda cadangkan untuk memetakan kawasan tersebut. Tentukan butir-butir yang anda perlu petakan dan kenalpastikan garis-garis ukur yang berbeza di dalam petunjuk.

[10 markah]

[b] Jelaskan bagaimana jarak XY di Rajah 1 dapat ditentukan dengan berdasarkan alat ukur rantai sahaja.

[3 markah]

[c] Jelaskan bagaimana jarak PQ di Rajah 1 dapat diukur dengan berdasarkan alat ukur rantai sahaja.

[3 markah]

[d] Senaraikan faktor-faktor yang perlu dipertimbangkan apabila memilih stesen ukur.

[5 markah]


[e] Apakah sebab-sebab utama yang menyebabkan bearing-bearing sesuatu kerja ukur kompas tidak tepat dan tidak dapat menghasilkan satu trabas tertutup?

[4 markah]

Nombor Angka Giliran:

Nombor Tempat Duduk:

Rajah 1: [Untuk Soalan 2]



P, Q, X dan Y ialah stesen ukur

.../4

1871

1871



3. [a] Jelaskan bagaimana saiz bulatan, segi tiga sama dan segi empat sama dapat ditentukan bagi menghasilkan peta simbol berkadar.
[3 markah]
- [b] Nyatakan perkara-perkara yang perlu diberikan pertimbangan dalam pemetaan simbol berkadar bagi menghasilkan mutu persembahan yang baik.
[7 markah]
- [c] Nyatakan beberapa contoh peta isarithmik dan jelaskan kegunaan-kegunaannya.
[5 markah]
- [d] Dengan menggunakan rajah-rajah yang sesuai, huraikan elemen-elemen bagi pemetaan isarithmik.
[10 markah]
4. [a] Jelaskan DUA (2) format pendekatan asas untuk mengkodkan data peta berkomputer.
[10 markah]
- [b] Bincangkan kelebihan dan kelemahan kedua-dua format pendekatan asas tersebut.
[15 markah]

--oo000oo--

(11) (100)